

S: Boleh Prof nyatakan usaha dilaksanakan UPM bagi melonjakkan SISFEC?

J: Umum mengetahui hutan mempunyai kepentingan yang pelbagai dan wujudnya SISFEC ialah sebagai pusat pengajaran, penyelidikan dan pengembangan kepada UPM. Kedudukan SISFEC cukup unik kerana dikelilingi tiga bandar raya utama iaitu Shah Alam, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Keluasan asal hutan ini ialah 4,270 hektar dan ia semakin mengecil berikutan kepesatan pembangunan di kawasan sekitar menyebabkan hanya 1,176.1 hektar dikelaskan sebagai hutan pelajaran dan penyelidikan pada 12 Januari 2009. Kita meletakkan sasaran menjadikan SISFEC sebagai pusat pengajaran, penyelidikan dan pengembangan perhutanan dan alam sekitar.

Oleh itu usaha mempromosikan SISFEC perlu digiatkan bagi membolehkan masyarakat luar khususnya dalam kalangan akademia tempatan mahupun antarabangsa mengetahui kewujudan, fungsi dan peranan SISFEC secara lebih menyeluruh. SISFEC didiami 430 spesies tumbuhan bunga, 33 spesies paku pakis, 127 spesies balak dan 99 spesies herba dan kepelbagaian spesies ini menjadi daya penarik dalam kalangan penyelidik melakukan kajian saintifik terhadap hutan simpan itu menerusi kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu yang ada.

Ketika ini, SISFEC diletakkan di bawah Fakulti Perhutanan UPM yang menawarkan program Bacelor Sains Perhutanan, Bacelor Sains Teknologi Kayu dan Bacelor Sains Taman dan Rekreasi. Kebanyakan pelajar program berkenaan memanfaatkan kewujudan SISFEC sebagai lokasi pembelajaran dan aktiviti penyelidikan khususnya Bacelor Sains Taman dan Rekreasi memandangkan Jabatan Rekreasi dan Ekope-



lancongan ialah satu-satunya jabatan yang beroperasi di SISFEC selain Seksyen Hutan dan Ladang. Kemudahan itu bukan saja memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran secara praktikal di hutan, malah turut dijadikan lokasi penganjuran pelbagai aktiviti seperti bengkel, kem dan penyelidikan dalam bidang perhutanan.

S: Apakah kemudahan ditawarkan SISFEC kepada mahasiswa dan penyelidik?

J: UPM menerima peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) kira-kira RM18 juta bagi membina kompleks utama SISFEC merangkumi empat blok bangunan iaitu blok pentadbiran, dewan kuliah, makmal dan bengkel bagi kegunaan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan latihan kepada mahasiswa, kakitangan serta penyelidik UPM dan institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang berminat. Kemudahan sirkit rempuh halangan termasuk flying fox, terowong, swing board, dinding seting-

SISFEC UPM pusat penyelidikan perhutanan antarabangsa

Kekayaan dan kepelbagaian biologi di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikannya cukup unik. Dengan ratusan spesies tumbuhan dan haiwan, SISFEC juga bakal diletakkan dalam peta dunia sebagai satu daripada pusat pendidikan perhutanan tropika terunggul di rantau Asia Pasifik. Ikuti kupasan Dekan Fakulti Perhutanan, UPM, Prof Datin Dr Faridah Hanum Ibrahim yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, KHAIRINA YASIN.

nginapan yang selesa. Tidak perlu pendingin hawa di sini kerana cuaca yang sejuk pada waktu malam pasti membuat pengunjung menggigil kese-

gi tiga meter bagi menyokong aktiviti pendidikan khususnya program Bacelor Sains Taman dan Rekreasi turut disediakan. Bagi mahasiswa, kemudahan hutan simpan itu amat bermakna kepada mereka kerana ia menjadi pusat pengetahuan dan penyelidikan yang menyimpan pelbagai khazanah amat bernilai kepada negara dan generasi masa depan. Hutan bukan lagi sesuatu yang asing kerana banyak kenikmatan dan keunikan yang boleh diterokai. Secara tidak langsung, ini menjadikan mahasiswa lebih menghargai alam apatah lagi menerusi penganjuran pelbagai aktiviti yang menjurus kepada usaha pemuliharaan hutan. Kita juga menyediakan kemudahan Internet, perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar (WiFi) dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi memudahkan penyelidik tempatan mahupun luar negara membuat kajian selain bangunan pe-

jukan. Kita juga menyediakan kemudahan surau, tapak perkhemahan dan dewan kuliah juga disediakan untuk kegunaan penyelidik. UPM turut seiring dengan perkembangan teknologi yang mana sistem pendigitalan data bagi sebahagian tumbuhan ubatan termasuk maklumat berkaitan tumbuhan herba dan ubatan juga terdapat di SISFEC.

S: Apakah perkembangan terkini SISFEC khususnya dalam aktiviti pendidikan dan penyelidikan pada peringkat tempatan dan antarabangsa

J: Fungsi SISFEC perlu dikembangkan bukan saja kepada universiti, sebaliknya industri dan komuniti khususnya pada peringkat antarabangsa. Usaha ini bagi membolehkan UPM mengorak langkah menjadikan SISFEC sebagai pusat pendidikan perhutanan tropika terunggul di rantau Asia Pasifik dalam tempoh terdekat. Kita mahu menjadikan SISFEC sebagai model hutan pendidikan yang diurus secara sistematik dan profesional oleh pakar dalam pelbagai bidang perhutanan. Untuk itu, usaha memposisikan SISFEC dalam pentas antarabangsa dipergiatkan menerusi rangkaian penyelidikan antarabangsa Center of Tropical Forest Science (CTFS) di bawah Smithsonian Institute, Harvard University, Amerika Syarikat. UPM turut membangunkan plot ekologi tetap seluas 10 hektar bagi tujuan aktiviti penyelidikan yang dijangka menarik perhatian dunia khususnya dalam kalangan saintis dan ahli ekologi hutan tropika selain akademia dan penggemar alam sekitar. Kewujudan plot ekologi tetap ini penting sebagai stesen penyelidikan dan kajian saintifik segala aspek berkaitan spesies flora dan fauna, hutan hujan Tropika selain spesies tumbuhan dan haiwan yang terancam.

Dari segi perkembangan penyelidikan di SISFEC, UPM kita banyak menerima permohonan kunjungan dan kajian penyelidikan universiti luar negara ke SISFEC termasuk Forestry and Forest Product Research Institute Tsukuba dan Kyoto University, Jepun; Leeds University, United Kingdom; Kangwon National University, Korea; Universty of Fez, Maghribi dan Pennsylvania University, Amerika Syarikat. Penyelidikan dijalankan merangkumi bidang pengurusan hutan asli, alam sekitar, sains tanah, pemuliharaan dan pemuliharaan hutan, kajian ekonomi, genetik dan perubahan iklim.

S: Apakah harapan UPM terhadap SISFEC pada masa depan?

J: Lokasi SISFEC yang terletak kira-kira 20 minit kampus UPM begitu unik kerana dikelilingi projek pembangunan perdana negara, malah SISFEC juga memiliki sumber alam semula jadi yang indah antaranya air terjun dan sungai serta kepelbagaian tumbuhan dari spesies herba, sekali gus menjadikannya kawasan sangat menarik. Namun kita mahukan kerjasama dan keprihatinan masyarakat awam dituntut agar sama-sama membantu menjaga dan memulihara hutan ini. Banyak kes pencerobohan berlaku (memasuki tanpa kebenaran) dan ia membimbangkan kami kerana ia dikhuatiri boleh menjejaskan peranan dan fungsi itu sendiri yang sudah dikelaskan sebagai hutan pelajaran dan penyelidikan. Kita mahukan kerjasama masyarakat awam agar memahami kewujudan SISFEC dan gunakan prosedur yang betul jika ingin memasuki SISFEC. Keistimewaan hutan ini perlu dijaga dan kekal sebagai hutan yang tidak terganggu dari segi kualiti semula jadinya. Masyarakat juga perlu sedar bahawa hutan simpan ini juga penyerap karbon dioksida yang asli dan terbesar di Lembah Klang. Oleh itu, ia harus dipelihara bersama kerana menyimpan pelbagai khazanah dan sumbangan yang amat bernilai kepada masyarakat, negara dan generasi masa depan. Merugikan sekiranya generasi akan datang hanya mendengar nama haiwan seperti burung bayan nuri atau spesies tumbuhan herba seperti Tongkat Ali dan Kacip Fatimah, tetapi tidak pernah melihat sendiri hidupan atau tumbuhan itu yang kini terdapat di hutan simpan berkenaan. Oleh itu, bagi memastikan khazanah itu kekal dan boleh dilihat sendiri oleh generasi akan datang, SISFEC perlu dikedalikan statusnya sebagai pusat pengajaran, penyelidikan dan pengembangan perhutanan.



Pusat penyelidikan Perhutanan Air Hitam UPM.